

UMP, NAHRIM jalin kerjasama erat Kejuruteraan Hidraulik dan Rawatan Air Bersih



Bersesuaian dengan bidang tujuan sumber alam sebagai salah satu cabang pengajiannya, Universiti Malaysia PAhang (UMP) melalui Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) telah meneroka jaringan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) bagi program pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang Kejuruteraan Hidraulik, Kejuruteraan Pantai, Pembangunan Sumber Air dan Kualiti Air.

Hasil kerjasama ini diharap mampu mengangkat keupayaan dan kepakaran UMP terhadap pembangunan pengajaran, penyelidikan dan perundingan dalam bidang-bidang berkenaan di universiti ini khasnya dan Malaysia amnya.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah CERRM, Dr. Wan Mohd. Faizal Wan Ishak menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak NAHRIM yang diwakili Ketua Pengarahnya, Ir. Haji Ahmad Jamalluddin Shaaban dan Pengarah Pusat Kajian Sungai, Dr. Ir. Nasehir Khan E.M. Yahaya,

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Pengarah Pusat Kajian Geohidrologi NAHRIM, Dr. Saim Suratman, Pengarah Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Dr. Zulkefli

Yaacob dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fadzil Mat Yahaya.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, menjadi hasrat UMP untuk menjajarkan kewujudannya pada koordinat strategik yang memberi nilai tambah kepada bidang-bidang kepakaran dan kebitaraan yang dimiliki. Justeru, UMP amat menghargai inisiatif yang telah dirintis oleh CERRM yang merupakan Pusat Kecemerlangan (CoE) yang terdapat di universiti ini dengan pihak NAHRIM.

"Sejajar dengan perubahan masa dan peredaran zaman, maka perhatian khusus diberikan terhadap pemerkasaan aktiviti penyelidikan melalui Pelan Strategik UMP 2011-2015. Justeru, penubuhan CERRM merupakan sebahagian daripada inisiatif yang telah dirintis bagi memperkasa kajian dalam bidang Sumber Alam oleh para penyelidik universiti ini," katanya yang berucap dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang pada 19 November 2013 yang lalu.

Kata beliau, melalui pemeteraian MoU ini, kedua-dua pihak akan merealisasikan inisiatif-inisiatif berkaitan empat bidang kerjasama berikut iaitu, penyediaan peluang dan tempat untuk menjalani latihan industri oleh NAHRIM kepada pelajar UMP dan berpeluang menjalani latihan sangkutan bagi staf UMP yang melibatkan semua kategori teknikal.

Selain itu, pengkhususan kajian dalam Kejuruteraan Hidraulik, Kejuruteraan Pantai, Pembangunan Sumber Air dan Kualiti Air di UMP untuk pembelajaran yang sesuai dengan skop kepakaran NAHRIM serta pembangunan produk-produk inovasi secara kerjasama antara NAHRIM dan UMP.

Menurut Ir. Haji Ahmad Jamalluddin berkata, pihaknya kini menjalankan dua kajian penyelidikan dengan UMP melibatkan Projek Sistem Penuaian Air Hujan (SPAII) di Rumah Panjang Bair Sarawak dan terbaru projek membabitkan Sungai Melaka.

Katanya, NAHRIM berperanan membangunkan kumpulan pakar dan memberi khidmat penyelidikan dalam perancangan, reka bentuk, pembinaan dan kerja kejuruteraan berkaitan pembangunan sumber air dan alam sekitar serta mewujudkan Pusat Fokal Kebangsaan (National Focal Point) yang menyelaras aktiviti penyelidikan dalam bidang hidraulik.

Majlis turut menyaksikan serahan replika cek geran penyelidikan yang disampaikan beliau kepada UMP dengan nilai RM19,800 bagi menjalankan Kajian Sistem Rawatan Air Hujan di Rumah Panjang Bair Betong Sarawak.

Dalam majlis yang sama, Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim juga menyampaikan watikah pelantikan Ir. Haji Ahmad Jamalluddin sebagai Profesor Tamu di UMP.